

KE ARAH DASAR KOMUNIKASI NEGARA

Haji Mansoor Haji Ahmad

Pendahuluan

Perbincangan mengenai Dasar Komunikasi tidak akan lengkap tanpa membincangkan laporan McBride mengenainya, walaupun idea atau konsep mengenainya telah dicetuskan oleh Mustapha Masroudi bekas Menteri Negara bagi Penerangan Tunisia dan juga Yang Di Pertua Majlis Penyelarasan Penerangan antara Kerajaan Negara-negara Berkecuali yang pertama, dan pernah mewakili negaranya sebagai duta ke Unesco.

Mustapha berpendapat bahawa konsep Barat mengenai aliran bebas maklumat sebenarnya telah menimbulkan beberapa ketidakseimbangan dari segi politik, perundangan, teknologi dan kewangan dan (sebenarnya) cuba menyembunyikan sifat kekuasaan imperialisme bentuk baru atau neo-colonialisme.

Ekoran daripada teguran Mustapha itu pada tahun 1978 satu Perisytiharan Paris yang dikenali sebagai "Susunan Baru Maklumat Antarabangsa" telah dibuat, diikuti dengan penubuhan sebuah Suruhanjaya pemecah pemikiran (brain thrust) untuk mencari jalan tengah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Unesco,

dipengerusikan oleh Sean McBride. Suruhanjaya itu telah diminta supaya mengkaji "masalah-masalah komunikasi dianggotai oleh 16 orang yang mewakili Dunia Pertama, Kedua dan Ketiga."

Sehubungan dengan Laporan McBride ini dua seminar kebangsaan diikuti dengan satu simposium kebangsaan khusus untuk menentukan reaksi dan implikasinya telah diadakan di Malaysia untuk melihat sejauhmana negara ini perlu mempunyai sebuah Dasar Komunikasi Negara sebagaimana yang terdapat di negara-negara lain seperti India, Korea, Jepun dan lain-lain.

Makalah ini cuba mengemukakan kedudukan Malaysia mengenainya.

Kedudukan di Malaysia

Perluakah Malaysia mempunyai sebuah dasar yang mencakupi seluruh bidang komunikasi negara ini? Soalan ini tidak mudah dijawab. Banyak soalan akan menyusul sebelum soalan itu terjawab. Misalnya, apakah faedahnya? Bagaimana bentuk dan rupanya? Siapa yang harus bertanggungjawab untuk menggubalnya? Atau, adakah "dasar-dasar" yang memang sedia ada yang tidak diisytihar ataupun yang telah diisytiharkan (termaktub atau tidak) boleh digunakan bagi tujuan yang sama? Adakah negara-negara yang mempunyai dasar-dasar komunikasi yang telah dimaktubkan ke dalam sebuah dokumen itu akan lebih "terjamin" nasibnya daripada negara-negara yang tidak mempunyai dokumen seperti itu,

memandangkan kegagalan Bangsa-bangsa Bersatu dan Unesco sendiri, misalnya, untuk mengadakan kod-kod etika yang sesuai kepada keperluan-keperluan individu dan masyarakatnya, dan tiadanya ikatan moral antarabangsa dan peraturan-peraturan penguasaan profesion di dalam bidang komunikasi? Akhirnya, dasar-dasar komunikasi untuk apa dan buat siapa?

Komunikasi, Masyarakat dan Dasar

Pada umumnya komunikasi adalah difahamkan sebagai proses pengangkutan dan penyampaian dari satu tempat ke satu tempat dan ini termasuklah pengangkutan manusia. Kepada pihak berkuasa perancangan, ini biasanya bermaksud pengangkutan barang dan manusia menerusi darat, laut dan udara, dan penyampaian mesej-mesej melalui telekomunikasi.

Konsep yang sempit ini tidak dapat disesuaikan dengan konsep "komunikasi dan masyarakat" yang melibatkan perhubungan secara personal dan secara "perantaraan" (mediated) dalam mana maklumat disampaikan dengan kemudahan teknikal atau menerusi orang tengah.

Cara bagaimana komunikasi itu digunakan, jaringan bagaimana komunikasi itu mengalir, struktur sistem media, peraturan rangka-bidang tugas mereka sistem itu, dan keputusan orang yang mengendalikannya, kesemuanya ini adalah hasil daripada berbagai dasar komunikasi.

Oleh itu, dasar adalah merupakan lunas, peraturan

dan panduan di mana sistem itu dibina. Ia boleh digubal secara khusus atau tetap; tidak tersurat, atau ternyata.

Bagaimanapun, dalam sesuatu masyarakat, sistem komunikasinya hendaklah disesuaikan dengan sistem politik dan sosio-ekonominya, dan harus sejajar dengan nilai kebudayaannya.

Manakala komunikasi sosial melibatkan bukan saja orang-orang perseorangan secara spontan, atau menerusi sesuatu saluran institusi, (termasuk media massa), tetapi juga melibatkan institusi lainnya yang diwujudkan untuk tujuan menyampaikan maklumat menerusi agen politik, perkhidmatan pegenbangan (extension service) para pengembang kebudayaan, para pendidik dan perkhidmatan kemasyarakatan.

Institusi-institusi ini mungkin dikendalikan oleh negara -- kerajaan, institusi-institusi awam, pentadbiran di peringkat tempatan dan kebangsaan, atau di peringkat bukan kerajaan, iaitu para usahawan, syarikat kerjasama, persatuan dan sebagainya.

Oleh itu, kebebasan bergerak dan pengaliran manusia, idea dan bahan (materials) merupakan isu asas kepada manusia dan masyarakatnya; dan dasar komunikasi serta perancangannya di dalam sesebuah negara tidak boleh digubal atau dilaksanakan tanpa sentiasa merujuk kepada penglibatan antarabangsa.

Penyelidikan

Dengan itu, maka adalah penting untuk mengkaji dan mengetahui sifat dan sejauhmana peranan komunikasi dalam sesebuah negara, dan ini biasanya memerlukan penyelidikan. Demikian jugalah halnya dengan pengubalan sesuatu dasar komunikasi. Ia memerlukan pengetahuan yang hanya dapat diberikan oleh penyelidikan. Adalah lebih unggul lagi sekiranya penyatuan di antara dasar komunikasi dan penyelidikan itu dapat diasaskan kepada pengetahuan tentang proses komunikasi itu, iaitu tentang keperluan orang ramai, daripada hanya berasaskan kepada pengetahuan setengah masak dan keperluan persendirian. Biasanya penyelidikan komunikasi menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan "pengkajian masalah" yang semestinya bergantung kepada berbagai disiplin yang luas -- berasaskan kepada pendekatan "pelbagai disiplin" atau "multi-disciplinary" yang sebenarnya.

Dengan ringkasnya, pendekatan kepada penyelidikan komunikasi hendaklah diasaskan kepada dua asas yang penting: menyelidiki komunikasi sebagai satu proses keseluruhannya, dan mengkaji media dan proses komunikasi secara umum, berasaskan kepada keadaan sosio-ekonomi dan politik sesebuah negara dengan lebih luas. Misalnya, persoalan tentang pengawalan, keupayaan, sokongan, sumber atau bahan, pengeluaran, persembahan, isi kandungan, pendedahan, kemudahan (access), penggunaan pengaruh dan kesan komunikasi boleh dirangkumkan ke dalam bidang tugas penyelidikan secara umum itu.

Unesco telah mengusulkan tiga bahagian penting untuk program penyelidikan komunikasi antarabangsa:

- * komunikasi dan perubahan sosial yang berancang
- * media massa dan pandangan manusia terhadap masyarakat
- * penyelidikan ke atas struktur komunikasi antarabangsa

Dengan kata-kata lain, sebelum mengadakan sesuatu dasar komunikasi negara yang menyeluruh, perlulah dilakukan satu penyelidikan yang rapi untuk mengetahui buruk baiknya, masalah-masalah komunikasi yang dihadapi oleh negara, dan struktur-struktur masyarakat di peringkat negara, antarabangsa, dan malah perlulah satu falsafah yang jelas, satu dasar yang baru dalam konteks ledakan komunikasi dunia moden ini.

Di Malaysia kegiatan penyelidikan komunikasi bolehlah, misalnya, ditumpukan kepada: Apakah cara yang lebih baik untuk mencari penyelesaian kepada masalah teknologi, sosial dan kebudayaan yang wujud dan iaplikasinya terhadap negara dan dunia antarabangsa.

Bagaimanapun, seperti yang dimaklum (dan Malaysia tidak terkecuali) bahawa tiap-tiap masyarakat telahpun mempunyai "dasar-dasar komunikasinya" sama ada yang jelas ternyata di dalam perundangan, perlembagaan, peraturan (codes of conduct), dan peraturan tertentu yang tersirat (rules and procedures) yang telah diterima dari segi amalannya yang wujud di peringkat kebangsaan, institusi dan professional. Tetapi, peraturan ini biasanya tidak terzhahir (latent), tidak

teratur dan tidak terselaras.

Oleh kerana dasar komunikasi secara partial itu wujud di dalam tiap-tiap masyarakat, maka adalah penting ianya disusun dengan lebih jelas dan teratur. Dasar-dasar komunikasi boleh disenaraikan secara umum berasaskan kepada matlamat serta prinsip yang ingin dicapai.

Seminar MacBride

Beberapa usul yang membina telah diutarakan oleh para peserta seminar MacBride. Pada asasnya usul-usul itu bersetuju supaya diadakan:

- * satu bentuk "badan penasihat" komunikasi negara; "badan" untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan sebaran am; "badan perancang" pembangunan komunikasi negara.

- * satu kajian untuk menentukan satu dasar komunikasi negara atau satu Jawatankuasa Kerja untuk menggubal dasar-dasar komunikasi

- * latihan kepada para pengamal komunikasi di sektor awam dan swasta dengan lebih intensif

- * kod-kod etika dan sebagainya.

Tetapi, seperti yang dipersetujui oleh para peserta, bahawa Malaysia telahpun mempunyai "Dasar-dasar komunikasinya" seperti Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Negara, di samping panduan-panduan lainnya

seperti "Bersih, Cekap dan Amanah," "Dasar Pandang Ke Timur," "Kepimpinan Melalui Teladan," "Persyarikatan Malaysia", dan sebagainya; walaupun setengah-tengahnya memang tidak tersurat di dalam satu dokumen khas yang boleh dikendalikan oleh sesebuah badan penyelaras, khusus untuk mencapai matlamatnya.

Seperti juga yang dimaklumkan, kebanyakan dasar yang penting itu telah dikendalikan oleh berbagai badan, jabatan atau kementerian, sama ada dasar itu dinyatakan secara eksplisit atau tidak. Apa yang perlu mungkin, dalam konteks mengadakan dasar komunikasi negara, semua "dasar" yang ada itu atau yang digubal pada masa akan datang hendaklah diselaras dan dikendalikan oleh sebuah "badan" atau "majlis" tertentu? Ini bertujuan untuk melicinkan pengurusan dan pentadbirannya.

Kalau inilah yang difikirkan oleh semua yang terlibat di dalam persidangan yang telah diadakan atau yang akan diadakan, maka penubuhan sebuah badan tetap sebagai "clearing house" bagi kegiatan dan masalah komunikasi perlu diadakan segera. Mungkin badan atau badan serupa itu boleh diadakan dalam tiga peringkat; peringkat kebangsaan, profesional dan tempatan (negeri atau tempat kerja dan sebagainya).

Tetapi, sebaliknya, apakah salahnya dengan kedudukan atau keadaan yang terdapat sekarang? Adakah ia tidak berkesan? Kalau tidak mengapa? Dari segi apa, di peringkat mana? Untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan ini memerlukan kajian atau penyelidikan yang

teliti, dan kalau telah berjawab, adakah ini bermakna dasar yang dikendalikan oleh badan yang tertentu itu boleh memperbaiki prestasi serta keberkesanan?

Kajian atau penyelidikan yang rapi adalah merupakan satu-satunya kunci kepada segala masalah. Penyelidikan bukan saja bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas, yang berupa reaksi kepada sesuatu rangsangan, tetapi juga yang lebih penting, ialah untuk mendapatkan maklumawal untuk dijadikan asas kepada perancangan dan tindakan di masa depan.

Juga, di dalam bidang komunikasi yang rata-rata atau pada sebahagian besarnya merupakan satu kegiatan yang melibatkan kelakuan manusia, peningkatan kepada perkakasan dan pengetahuan teknikal saja tidak cukup bagi menjamin kejayaannya. Sebarang perkakasan yang tidak mempunyai perisian yang teruji tidak akan berjaya atau mencapai matlamatnya dengan memuaskan. Perisian adalah seperti peluru dalam senapang atau filem kamera. Peluru yang tidak sesuai tidak akan dapat digunakan oleh senapang yang baik. Demikian juga kamera yang baik belum tentu dapat mengambil gambar yang baik kalau filemnya daripada jenis yang kurang baik, atau lebih malang lagi, kalau orang yang mengambil gambar itu tidak tahu jenis filem apa yang perlu digunakan untuk kameranya. Perisian adalah nadi kepada kesempurnaan sesuatu usaha yang melibatkan manusia dan kemanusiaan "bahan" yang telah dicerna dari berbagai bidang disiplin dan diuji keberkesananannya. Perisian yang padat, penyampaian dan persembahan yang menarik akan

lebih-lebih lagi menjamin kejayaan sesuatu kegiatan komunikasi.

Akhir sekali, sekiranya dasar komunikasi negara akan diadakan titik-tolak kepadanya hendaklah jangan terkeluar daripada landasan kepada pembangunan masyarakat Malaysia yang bersepadu yang berteraskan kepada pembangunan mental, rohani dan jasmani. Juga, yang penting sekali, dasar komunikasi negara hendaklah diserapkan dengan atau berlandaskan kepada rangka dasar yang telahpun wujud - Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Malaysia, dan Dasar Kebudayaan Negara.

Bagaimanapun, seperti yang telah dibayangkan di Persidangan ASIOCOM Kuala Lumpur, "Susunan Baru Maklumat Antarabangsa" terlebih dahulu hendaklah bertitiktolak dari wujudnya satu "Susunan Baru Ekonomi Antarabangsa", lebih-lebih lagi pelaksanaan dan amalannya. Tanpa wujudnya the "New International Economic Order", "Susunan Baru Maklumat Antarabangsa" atau "The New Information Order" tidak akan membawa erti apa-apa.